



Helaian Pendedahan Produk
(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans 1 Home Plus. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

HONG LEONG BANK BERHAD

Insurans 1 Home Plus

Tarikh: 01/03/2024

1. Apakah yang berkenaan dengan produk ini?

Insurans 1 Home Plus ini merupakan polisi empunya rumah/isi kandungan rumah komprehensif yang disasarkan kepada pelanggan yang memiliki kediaman rumah persendirian/ rumah pangsa/ pangsapuri/ kondominium. Insurans ini menawarkan pelanggan dengan premium kompetitif termasuk perlindungan kebakaran tambahan baru seperti Elaun Kesulitan, Pembayaran Balik Pinjaman Bulanan, Membaiki atau Menggantikan Tangki, Paip Air Rumah & Peralatan yang Pecah dan Kerugian atau Kerosakan kepada Surat Hak Milik.

Pelanggan juga mempunyai pilihan untuk melindungi sama ada jumlah penuh yang diinsuranskan atau jumlah kerugian pertama yang diinsuranskan (dari RM10,000 sehingga RM50,000) ke atas isi kandungan rumah mereka.

Produk ini adalah ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd dan adalah direka khasnya untuk pelanggan Hong Leong Bank Berhad, yang merupakan Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap yang menetap di Malaysia, Pemegang Permit Kerja/Pas Pekerjaan atau mereka yang bekerja secara sah di Malaysia.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kerugian atau kerosakan terhadap Bangunan dan Kandungan (seperti yang dinyatakan dalam polisi) yang disebabkan oleh berikut:
 - ❖ Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah
 - ❖ Letupan
 - ❖ Kerosakan yang disebabkan oleh pesawat udara
 - ❖ Kerosakan hentaman oleh kenderaan jalan raya atau binatang (termasuk kenderaan jalan raya atau binatang kepunyaan Pihak Yang Diinsuranskan)***^
 - ❖ Pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah*
 - ❖ Kecurian tetapi hanya diikuti dengan pecah masuk atau keluar secara keras dan ganas
 - ❖ Hurikan, siklon, taufan atau ribut angin**
 - ❖ Gempa bumi atau letupan gunung berapi**
 - ❖ Banjir kecuali kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman atau runtuhan tanah**
 - ❖ Rompakan dan tahan di dalam premis
 - ❖ Pokok tumbang atau dahan atau objek darinya***
- Kandungan yang dipindah sementara dari rumah terhad kepada 15% daripada kesuruhan jumlah yang diinsuranskan pada kandungan^^
- Kerosakan terhadap cermin, selain daripada cermin tangan, terhad kepada RM500.00 setiap keping bagi mana-mana satu kemalangan^^
- Pampasan untuk kematian Pihak Yang Diinsuranskan, pampasan maksimum RM10,000 atau separuh daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan pada kandungan, yang mana lebih rendah^^

- Kerugian atau kerosakan terhadap pakaian dan barang peribadi kepunyaan pembantu rumah domestic anda^{^^}
- Kerugian sewa sehingga had 10% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan dan/atau isi kandungan
- Liabiliti pemilik kepada awam sehingga RM50,000 ke atas bangunan dan/atau isi kandungan, setiap seksyen masing-masing
- Rusuhan, mogok dan niat jahat
- Elaun kesulitan sehingga RM3,000 atau 0.5% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan yang mana lebih rendah akibat kerugian yang timbul daripada Kejadian Yang Diinsuranskan (seperti yang dinyatakan dalam polisi) yang menyebabkan kerugian atau kerosakan melebihi RM20,000 kepada harta benda yang diinsuranskan.
- 50% daripada bayaran balik pinjaman gadai janji bulanan sehingga maksimum RM3,000 sehingga bangunan itu dipulihkan semula atau dibina semula atau sehingga 6 bulan yang mana lebih awal untuk kerugian yang timbul daripada Kebakaran, Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin, Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi atau Banjir. (Hanya terpakai apabila pembayaran tuntutan melebihi 30% daripada Jumlah Diinsuranskan pada Bangunan.)
- Membaiki atau menggantikan tangki, peralatan atau paip air rumah yang pecah terhad kepada 0.5% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan sehingga maximum RM3,000.
- Kos penggantian untuk kerugian atau kerosakan surat hak milik bangunan sehingga RM5,000 akibat kerugian timbul daripada Kebakaran atau Banjir.
- Fasal Penambahan
 - Peningkatan secara automatik dalam jumlah bangunan yang diinsuranskan setiap hari sebanyak jumlah yang mewakili 1/365 daripada 10% daripada jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan, diguna pakai kepada seksyen Empunya Rumah sahaja

^{^^} Hanya diguna pakai pada seksyen Isi Kandungan Rumah sahaja

Jika berlakunya kerugian atau kerosakan, lebihan seperti berikut akan dikenakan:

- Untuk peril ditanda dengan *, RM50.00 yang pertama tidak terlindung.
- Untuk peril ditanda dengan **, 1% yang pertama daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan pada bangunan atau RM200.00, yang mana lebih rendah.
- Untuk peril ditanda dengan ***, RM250.00 yang pertama tidak terlindung.
- Untuk peril ditanda dengan ^, lebihan ini hanya diguna pakai bagi barang milik Pihak Yang Diinsuranskan.

Anda boleh memperluaskan polisi ini untuk perlindungan berikut dengan bayaran premium tambahan:

- Barang isi rumah dan perabot rumah tuan di dalam blok rumah pangsa / pangapuri /kondominium
- Kerosakan kepingan kaca
- Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin terhadap cerobong asap logam, bidai kajang, tirai, papan tanda dan lekapan atau lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar
- Perubahan, pemberian, dan penambahan
- Perlindungan kecurian lanjutan (tanpa tanda-tanda pecah masuk atau keluar secara keras atau ganas)
- Insurans sewa tambahan
- Peningkatan had liabiliti pemilik
- Penenggelaman dan gelinciran tanah (termasuk untuk banjir)
- Pembayaran balik pinjaman bulanan untuk pengangguran terpaksa
 - Jika anda mengalami pengangguran terpaksa, insurans ini akan membayar balik pinjaman gadai janji bulanan sehingga RM2,000 untuk maksimum enam (6) bulan, tertakluk kepada had maksimum yang merupakan jumlah pinjaman belum jelas kepada bank.

- Asas nilai penuh atau Asas kerugian pertama pada seksyen Isi Kandungan Rumah dengan jumlah yang diinsuranskan ditentukan oleh pemegang polisi, antara RM10,000 dan RM50,000. (melindungi isi kandungan rumah dan barang peribadi anda)
- PV Solar untuk Kediaman perlindungan tambahan

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Premium untuk polisi ini boleh dibayar setiap tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh permulaan polisi dengan bayaran premium yang ditentukan oleh MSIG Insurance (Malaysia) pada masa pembaharuan. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk maklumat terperinci mengenai jadual manfaat Insurans 1 Home Plus.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, jenis bangunan dan kelas pembinaan (bahan yang digunakan). Premium insurans yang dikenakan untuk polisi ini adalah mengikut harga berdasarkan profil risiko MSIG. Premium minimum yang dikenakan untuk polisi ini adalah RM60.00 setelah ditolak mana-mana diskauan selain daripada diskauan untuk komisen atau yuran broker.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

<u>Jenis</u>	<u>Amaun</u>
--------------	--------------

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Cukai Perkhidmatan • Komisen dibayar kepada Hong Leong Bank Berhad • Duti Setem | <ul style="list-style-type: none"> • 8% daripada premium • 15% daripada premium • RM10.00 |
|---|--|

Sila ambil maklum bahawa Cukai Perkhidmatan 8% akan dikenakan bermula 1 Mac 2024 untuk semua polisi insurans am bercukai bagi tempoh insurans bermula pada/selepas 1 Mac 2024 atau sekiranya tempoh polisi bermula sebelum dan berakhir selepas 1 Mac 2024, amaun Cukai Perkhidmatan ke atas premium akan dikira secara pro-rata mulai 1 Mac 2024 (caj pro-rata).

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan:** Ia adalah tugas anda untuk mendedahkan kepada MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“Syarikat”) sesuatu perkara yang (a) anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan Syarikat sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan. Kewajipan pendedahan anda hendaklah berterusan sehingga ke masa kontrak insurans itu dibuat, diubah atau diperbaharui.

Di mana anda membeli insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, kewajipan pendedahan di atas tidak akan terpakai. Sebaliknya, anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh Syarikat dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjelaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans

itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.

- **Dasar pembayaran ganti rugi untuk kerugian/kerosakan terhadap harta benda:**
 - Nilai Pasaran (Isi Kandungan) - ia akan membayar nilai harta diinsuranskan pada masa kerosakan atau kerugian setelah ditolak elauan untuk kehausan dan kelusuhan dan/atau susut nilai dan tertakluk kepada pemotongan mana-mana lebihan dan amaun yang wajib ditanggung anda di bawah polisi ini.
 - Nilai Penggantian (baru untuk lama) (Bangunan) - ia akan membayar kos untuk membaiki atau memulihkan semula bangunan yang rosak dari jenis yang sama atau jenis yang sama tetapi tidak lebih unggul atau lebih luas daripada harta benda yang diinsuranskan ketika baru, dengan syarat jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos untuk memulihkan bangunan tersebut.
- **Waranti Premium** - Polisi insurans ini akan dibatalkan secara automatik melainkan premium sepenuhnya telah dibayar dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan.
- **Notis Tuntutan** - Anda perlu menyediakan notis bertulis kepada kami dengan maklumat lengkap sebaik menerima notis bagi sebarang kemalangan, kerugian atau kerosakan. Anda boleh menghubungi mana-mana Cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk mendapatkan salinan borang tuntutan. Anda harus menyerahkan borang tuntutan yang lengkap kepada kami berserta segala dokumen yang berkaitan secepat yang mungkin.

Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara anda dan Syarikat.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi Insurans ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi insurans ini?

Polisi Insurans ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian berikut:

- Perang, perang saudara, dan sebarang tindakan keganasan.
- Risiko radioaktif atau tenaga nuklear.
- Pengiktirafan tarikh.
- Kerosakan harta kepada data atau perisian.
- Seksyen "Liabiliti kepada Awam" tidak melindungi apa-apa kecederaan yang berkaitan dengan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran asbestos atau terdedah atau potensi terdedah kepada asbestos.
- Pemberhentian pekerjaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh bermulanya polisi ini atau kegagalan untuk memberikan bukti sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari berterusan Perkerjaan Sepenuh Masa atau Berbayar (tidak bekerja berasaskan kontrak bermusim, sambilan, sementara atau tidak boleh diperbaharui) sebelum mana-mana tempoh Pengangguran Terpaksa.
- Pengetahuan mengenai kemungkinan menganggur (atau pada pendapat wajar kami seharusnya diketahui oleh anda) pada tarikh permulaan perlindungan insurans dan pengangguran berlaku dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh permulaan.
- Pengangguran akibat mana-mana pengecualian kehilangan upaya.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi insurans saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis pembatalan secara bertulis kepada kami dan dalam keadaan sedemikian kami akan memulangkan sebahagian daripada

premium pada kadar jangka pendek (seperti berikut) bagi Tempoh Insurans yang belum tamat tetapi tertakluk pada premium minima sebanyak RM60.00 yang ditahanan oleh Syarikat.

Kadar Jangka Pendek Lazim	
Tempoh Tidak Melebihi	Kadar Peratusan Yang Dicaj
15 hari	10% dari kadar tahunan
1 bulan	20% dari kadar tahunan
2 bulan	30% dari kadar tahunan
3 bulan	40% dari kadar tahunan
4 bulan	50% dari kadar tahunan
5 bulan	60% dari kadar tahunan
6 bulan	70% dari kadar tahunan
7 bulan	75% dari kadar tahunan
8 bulan	80% dari kadar tahunan
9 bulan	85% dari kadar tahunan
10 bulan	90% dari kadar tahunan
11 bulan	95% dari kadar tahunan
12 bulan	100% dari kadar tahunan

Kami boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis tujuh (7) hari mengenai pembatalan melalui surat berdaftar ke alamat terakhir anda yang diketahui dan dalam keadaan sedemikian kami akan memulangkan bahagian premium pro-rata bagi Tempoh Insurans yang belum tamat.

8. Apa yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran hubungan / peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda juga harus memaklumkan kami secara bertulis dengan segera sebaik sahaja anda mengetahui sebarang perubahan dalam penggajian, pekerjaan, tugas atau kegiatan mana-mana Orang Yang Diinsuranskan, atau apa-apa perubahan lain yang mungkin meningkatkan profil risiko Polisi Insurans ini. Anda mungkin perlu membayar premium tambahan akibat daripada apa-apa perubahan tersebut.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Jika anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans 1 Home Plus, sila hubungi kami di:

Syarikat Insurans:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)

Bancassurance/ Affinity & Online:

Tingkat 16, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.
Talian MSIG Banca: 1800-88-6163
Faks : (603) 2070 5959
E-mel: bancahotline@my.msig-asia.com

Diedarkan oleh:

Hong Leong Bank Berhad
Tingkat 16, Hong Leong Tower,
No. 6, Jalan Damanlela,
Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Empunya Rumah/Isi Rumah yang disediakan:

- Empunya Rumah / Isi Rumah
- Sila rujuk kepada laman web kami di www.msig.com.my.

NOTA PENTING: ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN BANK ATAU BERHUBUNG DENGAN SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK INFORMASI LEBIH TERPERINCI

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 01/03/2024.

Lampiran 1

Keterangan	Insurans Empunya Rumah/Isi Rumah	Insurans 1 Home Plus
<u>Manfaat-manfaat</u>		
(a) <u>Peril yang dilindungi</u>		
<ul style="list-style-type: none"> • Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah • Letusan • Pesawat atau Peranti Udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya • Kerosakan hentaman oleh kenderaan jalan raya atau binatang (termasuk kenderaan jalan raya kepunyaan Pihak Yang Diinsuranskan) • Pecahnya atau Melimpahnya Tangki, Peralatan atau Paip Air • Kecurian tetapi hanya diikuti dengan pecah masuk atau keluar secara keras dan ganas • Hurikan, siklon, taufan atau ribut angin • Gempa bumi atau letusan gunung berapi • Banjir kecuali kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman atau runtuh tanah • Rompakan dan tahan di dalam premis • Pokok tumbang atau dahan atau objek darinya 	<ul style="list-style-type: none"> • • • • 	<ul style="list-style-type: none"> • • •
	Tidak termasuk kenderaan jalan raya kepunyaan Pihak Yang Diinsuranskan	Termasuk kenderaan jalan raya kepunyaan Pihak Yang Diinsuranskan
	Pilihan	
(b) Kandungan yang dipindah sementara dari rumah terhad kepada 15% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan pada kandungan	•	•
(c) Kerosakan terhadap cermin	•	•
(d) Pampasan untuk kematian Pihak Yang Diinsuranskan	•	•
(e) Kerugian atau kerosakan terhadap pakaian dan barang peribadi kepunyaan pembantu rumah domestik anda	•	•
(f) Kerugian sewa sehingga had 10% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan dan/atau isi kandungan	•	•
(g) Liabiliti pemilik kepada awam sehingga RM50,000 ke atas bangunan dan/atau isi kandungan	•	•
(h) Rusuhan, mogok dan niat jahat	Pilihan	•
(i) Elaun kesulitan sehingga RM3,000 atau 0.5% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan yang mana lebih rendah akibat kerugian yang timbul daripada peril yang disenaraikan (Semua peril yang dilindungi)	Tidak tersedia	•
(j) 50% daripada bayaran balik pinjaman gadai janji bulanan sehingga maksimum RM3,000 (sehingga 6 bulan) untuk kerugian yang timbul daripada Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin, Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi atau Banjir. (Hanya terpakai apabila pembayaran tuntutan melebihi 30% daripada Jumlah Diinsuranskan pada Bangunan.)	Tidak tersedia	•

(k) Membaiki atau menggantikan tangki, peralatan atau paip air rumah yang pecah terhad kepada 0.5% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan sehingga maximum RM3,000	Tidak tersedia	●
(l) Fasal penambahan (10%), peningkatan secara automatik dalam jumlah bangunan yang diinsuranskan setiap hari sebanyak jumlah yang mewakili 1/365 daripada 10% daripada jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan	Pilihan	●
(m) Kerugian/kerosakan terhadap suratikatan akibat Kebakaran dan Banjir sehingga RM5,000	Tidak tersedia	●
Manfaat pilihan (tertakluk kepada premium tambahan)		
(a) Barang isi rumah dan perabot rumah tuan di dalam blok rumah pangsa / pangsapuri /kondominium	Tersedia	Tersedia
(b) Kerosakan kepingan kaca	Tersedia	Tersedia
(c) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin terhadap cerobong asap logam, bidai kajang, tirai, papan tanda dan lekapan atau lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar	Tersedia	Tersedia
(d) Perubahan, pemberian, dan penambahan	Tersedia	Tersedia
(e) Perlindungan kecurian lanjutan (tanpa tanda-tanda pecah masuk atau keluar secara keras atau ganas)	Tersedia	Tersedia
(f) Insurans sewa tambahan	Tersedia	Tersedia
(g) Peningkatan had liabiliti pemilik	Tersedia	Tersedia
(h) Kerugian pertama penenggelaman dan gelinciran tanah	Hanya Jumlah Penuh Dibenarkan	Jumlah Penuh atau Kerugian Pertama Dibenarkan
(i) Bayaran balik pinjaman bulanan sebanyak RM2,000 (sehingga 6 bulan akibat Pengangguran Terpaksa)	Tidak tersedia	Tersedia
(j) Perlindungan Insurans Isi Rumah (melindungi isi kandungan rumah dan barang peribadi anda)	Hanya Jumlah Penuh Dibenarkan	Jumlah Penuh atau Kerugian Pertama Dibenarkan

Catatan: Manfaat di atas yang ditunjukkan "●" telah dimasukkan ke dalam perlindungan polisi.